

Oleh SITI NOR AFZAN KASIMAN  
afzan.kasiman@kosmo.com.my

**S**ERONOK sekali berbual dengan Pengurus Kumpulan Produk Wipro Unza (M) Sdn. Bhd., Mahsuri Sulaiman.

Manakan tidak, tutur katanya bukan sahaja lembut, bibirnya tidak pernah lekang dengan senyuman man.

Apa yang lebih menarik, sejak lebih 10 tahun lalu, hidupnya cukup berwarna-warni.

Dianggarkan sudah 1,001 wangian mahupun krim kecantikan yang diales ke wajahnya.

Lebih mengujakan, kesemuanya itu masih di peringkat penyelidikan.

Memulakan kerjaya sebagai eksekutif produk di syarikat tersebut, tugas mencuba pelbagai jenis wangian dan produk kecantikan sebelum memastikan ia selamat untuk dipasarkan, bagaiamn sudah sebat dengan dirinya.

Tanggungjawabnya sebagai tulang belakang jenama produk kecantikan Safi memerlukannya benar-benar arif tentang produk yang dihasilkan.

"Tugas saya bukan sahaja memikirkan tentang strategi pemasaran ataupun pembangunan produk, malah saya juga tukang cuba, tukang hidu dan tukang pilih haruman di sini," selorohnya.

Bidang kecantikan bagaikan sebuah sebat dengan diri wanita kelahiran Pokok Sena, Kedah ini.

Malah, akhirnya, beliau suka berhias sejak kecil lagi.

"Saya merupakan anak perempuan tunggal daripada empat beradik. Saya mempunyai tiga orang abang dan seorang adik lelaki."

"Perbezaan usia 11 tahun dengan adik menjadikan saya dimanjakan oleh abang-abang dan ibu."

"Pantang tengok ibu bersolek, saya pun hendak melaram sama."

"Di sekolah pula, saya terlibat dalam kumpulan penari tradisional dan sering didandani setiap kali ada persembahan."

"Sejauh itu, minat saya terhadap dunia kecantikan mula bercambang."

"Malah, saya pernah disindir oleh pelajar senior ketika berada pada tahun pertama di universiti kerana terlebih melaram," imbasnya yang mula menyertai Unza pada Januari 2000 dan dipertanggungjawabkan menguruskan produk kecantikan dengan menggunakan jenama Safi.

Ketika itu, jenama Safi yang sudah bertapak sejak tahun 1987 tidak begitu popular dan sering dianggap sebagai produk kampung.

"Ramai wanita yang mahu membeli Safi kerana kualitiannya yang terjamin dan harganya berpatutan, namun dek kerana pembungkunya yang menyasarakan pasaran wanita Melayu tidak begitu menyerlah menyebabkan ramai yang segan untuk mengambil produk Safi dari rak pameran."

"Namun, hasil kerja keras dan sokongan daripada kakitangan, Safi diberi nafas baru dengan pembungkusan yang lebih moden."

"Alhamdulillah, pada hujung tahun, pertumbuhan jualan meningkat sehingga 84 peratus sekali gus menjadikan jenama Safi sebagai produk kecantikan terlaris di pasaran terutamanya produk pencuci

# Mahsuri wanita Safi

Menjadi tonggak utama jenama Safi, wanita ini sudah lalu mencuba pelbagai jenis wangian dan produk kecantikan sebelum boleh dijual di pasaran.



MAHSURI tidak menjadikan alasan memiliki anak ramai sebagai penghalang untuknya berjaya dalam kerjaya.

dan pelembap muka," ujarnya yang berusia 42 tahun.

#### Enam anak

Kesungguhan Mahsuri menaikkan jenama Safi tidak berakhir di situ.

"Apabila jenama itu mula mendapat kepercayaan pengguna sehingga tersenarai sebagai produk kecantikan No.1, kami masih belum boleh menarik nafas lega."

"Kami perlu bekerja keras untuk memastikannya kekal di tangga teratas. Itu cabaran yang bukan mudah," katanya yang belajar mengenai cara wanita Melayu memilih produk kecantikan.

Melalui pengamatannya, kebanyakannya wanita jarang kekal dengan satu jenama untuk tempoh yang lama.

"Kepelbagaiannya produk kecantikan di pasaran menyebabkan wanita sering bertukar produk kecantikan yang digunakan, apatah lagi jika ada rakan yang mensejorkan sesuatu jenama itu bagus dan berkesan," ujarnya.

Bekerja hampir 12 jam sehari, Mahsuri ada cara yang tersendiri untuk kekal segar ceria dan berteraga.

"Saya akui dengan beban kerja yang banyak, tekanan memang tidak boleh dielakkan."

"Namun, saya tidak suka bekerja dalam keadaan tertekan. Ia bukan sahaja membuatkan saya monyok sepanjang hari malah turut menjaskan tumpuan dan produktiviti kerja."

"Saya suka senyum walaupun bersimpang-siar hal kerja di dalam kapela."

"Bila keadaan tegang di pejabat, saya dan rakan-rakan tangannya

dengan ketawa bersama-sama," katanya.

Meskipun memilki tugas yang berat di pejabat, Mahsuri tidak sekali-kali membawa tugasannya pulang ke rumah.

"Masa premium saya di rumah hanya untuk suami dan anak-anak."

"Biasanya, saya sampai ke rumah pada pukul 8 malam."

"Kami akan makan bersama-sama sebelum saya memantau mereka membuat kerja sekolah."

"Setiap malam, saya luangkan masa lebih kurang lima jam untuk bersama mereka," jelas Mahsuri.

Melihat kepada sosok tubuhnya, kebanyakannya tidak percaya, wanita kurus yang tinggi lampai ini merupakan ibu kepada enam orang anak.

"Saya tidak ada regim penjagaan tubuh yang khusus untuk mekekalkan sosok tubuh begini. Malah, saya adalah seorang pencinta makanan," jelas Mahsuri yang mengaku beliau bukan seorang ibu yang garang.

Baginya, bersifat bengkeng dan suka melampiaskan kemarahan bukanlah cara terbaik untuk mendidik anak-anak.

"Dahulu, semasa ada dua orang anak, saya memang suka menjerit dengan harapan mereka akan menurut kata saya."

"Namun, mereka tidak takut, sebaliknya mereka mengikut perbuatan saya yang suka meninggikan suara. Sejak itu, saya lebih suka beracakap lembut dengan anak-anak," katanya.



## EKSTRA Mahsuri Sulaiman

**Umur:** 42 tahun

**Jawatan:** Pengurus Kumpulan Produk Unza

**Status perkahwinan:** Berkahwin

**Pendidikan:** Sarjana Komunikasi Korporat, Universiti Putra Malaysia; Ijazah Sarjana Muda Pemasaran, Universiti Teknologi Mara (UiTM); Diploma Perbankan, UiTM

◎ Memiliki enam orang anak berusia 4 hingga 14 tahun

◎ Nama Mahsuri diberi ibunya mengandung beliau selepas pulang bercuti bersama bapanya ke Pulau Langkawi